**PANITIA KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF NEGERI KEDAH**

**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF TAHUN 2023** **2216/1(PP)**
KERTAS 1
Peraturan Pemarkahan

---

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 19 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

 © 2023 Panitia KMK Kedah 

CamScanner

## PERATURAN PEMARKAHAN

Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian.

(a) **Isi**

Markah bagi isi berdasarkan peraturan pemarkahan yang ditetapkan.

| | |
|---|---|
| (i) Fakta berserta huraian / contoh | **2 markah**<br>[1+1 marah] |
| | **3 markah**<br>[1+2 markah] |
| | **4 markah**<br>[2+2 markah] |
| (ii) Fakta tanpa contoh | 1, 2 @ 4 markah |
| (iii) Fakta betul, contoh salah | 1 @ 2 markah |
| (iv) Fakta salah, contoh betul | 0 markah |

(b) **Penyampaian**

(i) Jawapan **Bahagian A** dalam bentuk **struktur** / **jawapan ringkas** / **jawapan pendek**. Jawapan **Bahagian B** dalam bentuk esei.

(ii) Menggunakan bahasa yang betul.

(iii) Menggunakan ejaan yang betul dan lengkap.

(iv) Soalan perbandingan dikehendaki mengikut perbandingan terus.

KMK Trial Kedah 2023
Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm



CamScanner

**BAHAGIAN A**
**[40 markah]**

| **1 Perwatakan Penghulu Sudin** | | **Markah** |
|---|---|---|
| (i) | **Seorang yang tidak berterus terang / jujur / perahsia**<br>Contoh: Dia tidak pernah berterus terang kepada penduduk kampung, lebih-lebih lagi kepada Sahat. | [1+1] |
| (ii) | **Seorang yang panas baran / pemarah**<br>Contoh: Walau bagaimanapun, mereka terpaksa akur dan tunduk kepada segala kemahuan dan cadangan Penghulu Sudin yang panas baran. | [1+1] |
| (iii) | **Seorang yang pendendam**<br>Contoh: Jika mereka mempersoalkan atau membantah cadangannya, penduduk dan seluruh anggota keluarga tersebut akan disenaraihitamkan sebagai pembangkang. | [1+1] |
| | | **Maksimum : 4 markah** |
| **2 Nilai murni** | | |
| (i) | **Nilai kesetiaan**<br>Contoh: Kau ahli sejarah, mempunyai kesetiaan yang kuat terhadap bangsa dan tanah airmu. | [1+1] |
| (ii) | **Nilai patriotisme / cinta akan negara**<br>Contoh: Memang, aku sayangkan bangsa dan negaraku, Anna. / Bangsa dan negaraku yang muda ini sedang berjuang mengisi kemerdekaan kami walaupun Inggeris banyak meninggalkan parut-parut luka, … . | [1+1] |
| (iii) | **Nilai rasional**<br>Contoh: Tetapi ini tak menegahku daripada bersikap rasional. | [1+1] |
| | | **[Maksimum: 4 markah]** |
| **3(a)** | **Jenis puisi** | |
| | Seloka | 1 |
| **(b)** | **Bentuk puisi** | |
| (i) | Ada rangkap / berangkap / mempunyai rangkap / dua rangkap | 1 |

[Lihat halaman sebelah

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | Bilangan baris serangkap adalah tidak sama / dua hingga empat baris serangkap | 1 |
| (iii) | Bilangan perkataan sebaris adalah tidak sama / empat hingga enam patah perkataan sebaris | 1 |
| (iv) | Bilangan suku kata sebaris adalah tidak sama / sepuluh hingga dua belas suku kata sebaris | 1 |
| (v) | Rima akhir puisi adalah tidak sama / rima akhir rangkap 1 ab, rima akhir rangkap 2 abab | 1 |
| (vi) | Puisi berbentuk tidak terikat | 1 |
| | **[Maksimum: 3 markah]** | |
| **4 Unsur bunyi** | | |
| (i) | **Asonansi**<br>Contoh: Di setiap benua, Pak Tua berseloka /<br>Di setiap benua, Pak Tua berseloka (pengulangan vokal a) | [1+1] |
| (ii) | **Aliterasi**<br>Contoh: kolek bonda dindingnya bangsa /<br>kolek bonda membelah samudera (pengulangan konsonan n) | [1+1] |
| (iii) | **Rima akhir**<br>Contoh: abcdd | [1+1] |
| | **[Maksimum: 4 markah]** | |
| **5. Ciri- ciri Sastera Hikayat** | | |
| (i) | **Latar tempat di alam nyata / bumi**<br>Contoh: Rumah budak miskin / sungai / Tasik Hijau / tengah rimba | [1+1] |
| (ii) | **Watak-wataknya terdiri daripada manusia dan binatang / haiwan**<br>Contoh: Budak miskin dan anak naga / anak helang / anak tikus.<br>(Contoh wajib ada budak miskin dan salah satu watak binatang) | [1+1] |
| (iii) | **Terdapat unsur pengembaraan**<br>Contoh: Setelah sudah ia berfikir itu maka naga itu pun berjalanlah pada tengah malam itu menuju Tasik Hijau tempat tinggal datuknya / Maka diturutnya bekas naga itu serta dengan anak helang dan anak tikus itu pun bersama-sama dengan budak itu berjalan mengikut bekas naga itu lalulah ke tengah rimba yang besar | [1+1] |
| | **[Maksimum: 4 markah]** | |



CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| **6. Gaya bahasa pengulangan** | | |
| (i) | **Asonansi**<br>Contoh: Kata bukit kepada jentolak /<br>Kata bukit kepada jentolak (pengulangan bunyi huruf vokal a) | [1+1] |
| (ii) | **Aliterasi**<br>Contoh: hari ini kau datang dengan hingar deruman /<br>hari ini kau datang dengan hingar deruman (pengulangan bunyi huruf konsonan n) | [1+1] |
| (iii) | **Repitisi kata**<br>Contoh: kata / bukit / kepada / jentolak / kau / tidak / tahu / ini / dengan | [1+1] |
| (iv) | **Responsi**<br>Contoh: Barangkali kau tidak pernah tahu<br>bukit ini pernah hingar dengan dentuman peluru /<br><br>bukit ini pernah hingar dengan dentuman peluru<br>di sini, sejarah pernah mencatat sengketa /<br><br>Barangkali kau tidak pernah tahu<br>bukit ini pernah hingar dengan dentuman peluru<br>di sini, sejarah pernah mencatat sengketa / pernah<br><br>hari ini kau datang dengan hingar deruman<br>mahu kau kuburkan sejarah itu? / kau | [1+1] |
| (v) | **Epifora**<br>Contoh: Memang aku tidak tahu<br>malah tak ingin ambil tahu / tahu | [1+1] |
| | | **Maksimum [4 markah]** |
| **7 Latar Tempat** | | |
| (i) | **Pintu**<br>Contoh: Mereka terus meluru ke pintu, masuk ke dalam rumah lalu menuju ruang dapur. | [1+1] |
| (ii) | **Dalam rumah**<br>Contoh: Mereka terus meluru ke pintu, masuk ke dalam rumah lalu menuju ruang dapur. | [1+1] |
| (iii) | **Ruang dapur**<br>Contoh: Mereka terus meluru ke pintu, masuk ke dalam rumah lalu menuju ruang dapur. | [1+1] |

[Lihat halaman sebelah

| | | |
|---|---|---|
| (iv) | **Lantai**<br>Contoh: Mereka dapati darah merah berhamburan di lantai. | [1+1] |
| (v) | **Suatu sudut**<br>Contoh: Guru itu terjelepok di suatu sudut, mungkin pengsan. | [1+1] |
| (vi) | **Permukaan dinding bawah**<br>Contoh: Jari-jemari kirinya sedang memegang jari hantunya yang putus, seolah-olah dia memegang kapur tulis, dengan bahagian yang putus itu masih menyentuh permukaan dinding bawah. | [1+1] |
| | | **[Maksimum: 4 markah]** |
| **8.** | **Kritikan sastera - pandangan persoalan** | |
| (i) | **Berbudi bahasa / hemah tinggi dalam kehidupan**<br>Contoh: Orang berbudi kita berbahasa,<br>Orang memberi kita merasa. | [2+2] |
| (ii) | **Kebenaran / kesahihan / ketelusan dalam kata-kata / ungkapan**<br>Contoh: Tak tumbuh tak melata,<br>Tak sungguh orang tak kata. | [2+2] |
| | | **[Maksimum: 4 markah]** |
| **9. Keperibadian unggul watak Sang Nata** | | |
| (i) | **Reda dengan ketentuan takdir**<br>Contoh: “Hai adinda, janganlah adinda berkata demikian! Sudahlah dengan kuasa Dewata Mulia Raya anakanda kita berkahwin dengan Ken Tambohan itu. | [2+2] |
| (ii) | **Rasional dalam tindakan**<br>Contoh: Janganlah adinda terlalu murka kepada Raden Menteri itu. Nanti hiba hatinya dan lari ia kelak. Biarlah ia duduk di istana Ken Tambohan itu.” | [2+2] |
| (iii) | **Tidak mementingkan darjat**<br>Contoh: Adapun Ken Tambohan itu, sungguhpun orang tawanan, tetapi anak raja juga. | [2+2] |
| | | **[Maksimum: 4 markah]** |
| **10. Unsur patriotisme** | | |
| (i) | **Berpengetahuan tentang sejarah negara**<br>Contoh: Francis Light yang buka dan teroka Pulau Pinang ni pada tahun 1786. Apa macam sejarah saya? / Boleh hafal tarikh pembukaan Pulau Pinang pun dah kira geliga. | [2+2] |

 © 2023 Panitia KMK Kedah 

CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | **Waspada / hati-hati terhadap musuh / penjajah**<br>Contoh: Jangan Bintang Tiga. Yang tu komunis punya. Bahaya. Kena jaga-jaga. | [2+2] |
| | **[Maksimum: 4 markah]** | |
| | **BAHAGIAN B**<br>**[60 markah]** | |
| **11 (a) Teknik plot** | | |
| (i) | **Teknik pemerian**<br>Contoh**:** Lin, betulkah kau sayang akan kami? / Sekiranya engkau terlupa, biarlah aku mengingatkanmu. / Cara hidup yang terlupa akan akar budaya nenek moyangmu yang terlalu menyayangi kami. | [1+1] |
| (ii) | **Teknik imbas kembali**<br>Contoh: Dulu pernah kau puji kami sebagai sebuah hutan tropika yang membantu menyedut karbon dan gas-gas berbahaya akibat kesan rumah hijau serta penipisan ozon. / Katamu, kami hebat kerana ubat AZT untuk pesakit HIV juga diambil daripada tubuh kami, warga batu karang. / Katamu, kami antara ciptaan Tuhan yang istimewa kerana dapat hidup menjadi terumbu yang bermanfaat kepada semua warga dunia. | [1+1] |
| (iii) | **Teknik imbas muka**<br>Contoh: Namun, puji-pujian itu nampaknya sudah tidak bermakna Lin, kerana kami akan mati tidak lama lagi. / … koloni kami terkira dalam empat puluh peratus warga terumbu yang akan mati kerana cara hidup baru kawan-kawanmu itu. | [1+1] |
| | **[Maksimum: 4 markah]** | |
| **(b)** | **Isu masyarakat** | |
| (i) | **Isu kemusnahan hidupan laut dalam masyarakat**<br>Huraian: Banyak hidupan di laut yang mengalami kemusnahan dan kepupusan akibat pembangunan. | [2+2] |
| (ii) | **Isu ketamakan mengejar kekayaan / materialistik dalam masyarakat**<br>Huraian: Masyarakat / manusia mengejar kekayaan tanpa memikirkan nasib penghuni laut yang semakin pupus. | [2+2] |
| (iii) | **Isu amalan menghormati tetamu dalam masyarakat**<br>Huraian: Aku dan rakan-rakannya begitu menghormati tetamu dengan menerima kedatangan Lin ke tempat mereka dan dilayan dengan baik. | [2+2] |

[Lihat halaman sebelah



CS CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| (iv) | **Isu pencemaran alam sekitar**<br>Huraian: Pengusaha kilang membuang sisa toksik / bahan buangan ke dalam sungai. | [2+2] |
| (v) | **Isu cinta akan alam sekitar**<br>Huraian: Nenek moyang Lin tidak membuang sampah / mencemarkan laut. | [2+2] |
| (vi) | **Isu kepentingan hidupan laut kepada masyarakat**<br>Huraian: Laut menjadi sumber rezeki kepada manusia sejak zaman dahulu. | [2+2] |
| (vii) | **Isu tidak mengenang jasa dalam masyarakat**<br>Huraian: Segolongan penduduk miskin di kepulauan nusantara sanggup mencuri anak-anak batu karang / ikan untuk dijual kepada orang kaya. | [2+2] |
| (viii) | **Isu menepati janji**<br>Huraian: Batu karang tidak pernah memungkiri janji untuk memberikan rezeki kepada manusia. | [2+2] |
| (ix) | **Isu kesibukan hidup yang merenggangkan persahabatan**<br>Huraian: Lin sibuk dengan kerjaya / anak-anak sehingga mengabaikan persahabatan dengan batu karang / aku. | [2+2] |
| | **[Maksimum: 8 markah]** | |
| **(c)** | **Adaptasi - Sambung cerita** | |
| | **(i) Idea / isi**<br>**(ii) Teknik**<br>**(iii) Bahasa**<br>**(iv) Kreativiti** | 2<br>2<br>2<br>2 |
| | **[Maksimum: 8 markah]** | |

**Nota**

i. **Jika calon menghasilkan karya kurang 80 patah perkataan, berikan maksimum 1 markah untuk isi.**
ii. **Calon mengemukakan satu teknik plot, berikan maksimum 1 markah untuk teknik.**

| **12 (a) Empat keadaan Mat Piah** | | |
|---|---|---|
| (i) | Mukanya yang berpeluh. | 1 |
| (ii) | Tuala *Good Morning* yang lasam yang melingkari lehernya. | 1 |
| (iii) | Dia memakai kemeja T. | 1 |
| (iv) | Dia memakai seluar jean lusuh. | 1 |
| (v) | Kasut kanvas yang dipakainya sudah koyak rabak dan kotor. | 1 |
| | **[Maksimum: 4 markah]** | |

| 12 (b) Dua persoalan | | |
|---|---|---|
| (i) | **Persoalan kemiskinan hidup**.<br>Contoh: Mat Piah hidup sebagai gelandangan / tiada rumah / hanya beca menjadi rumahnya. | [2+2] |
| (ii) | **Persoalan kegigihan mencari rezeki**.<br>Contoh: Mat Piah gigih mengayuh beca sehingga dinihari untuk mencari rezeki. | [2+2] |
| (iii) | **Persoalan kesabaran / ketabahan menghadapi dugaan / cabaran hidup**.<br>Contoh: Mat Piah bersabar / tabah walaupun tidak memperoleh wang setelah seharian mengayuh beca. | [2+2] |
| (iv) | **Persoalan cinta akan negara / semangat patriotik**<br>Contoh: Mat Piah marah apabila Mr Blackway memberitahunya yang Francis Light telah menipu Sultan Kedah untuk mendapatkan Pulau Pinang. | [2+2] |
| (v) | **Persoalan keinsafan atas kesalahan yang telah dilakukan**<br>Contoh: Blackway insaf atas kesalahan yang dilakukannya bersama Francis Light iaitu menipu / mengkhianati Sultan Muhammad Jiwa / Sultan Abdullah / orang Melayu untuk mendapatkan Pulau Pinang. | [2+2] |
| (vi) | **Persoalan kejujuran / berterus terang dalam tutur kata / percakapan**<br>Contoh: Blackway jujur / berterus terang menceritakan kepada Mat Piah peristiwa sebenar bahawa Francis Light bukanlah peneroka Pulau Pinang / menipu / mengkhianati Sultan Muhammad Jiwa / Sultan Abdullah / orang Melayu untuk mendapatkan Pulau Pinang. | [2+2] |
| (vii) | **Persoalan penipuan untuk kepentingan diri**<br>Contoh: Francis Light telah menipu / mengkhianati Sultan Muhammad Jiwa / Sultan Abdullah / orang Melayu untuk mendapatkan Pulau Pinang. | [2+2] |
| (viii) | **Persoalan gejala sosial dalam kalangan remaja**<br>Contoh: Sekumpulan remaja yang merempit pada waktu dinihari. | [2+2] |
| (ix) | **Persoalan kerakusan penjajah**<br>Contoh: Penjajah Inggeris begitu rakus untuk mendapatkan Pulau Pinang supaya pihak Inggeris dapat mengaut hasil bumi Tanah Melayu. | [2+2] |

[Lihat halaman sebelah

| | | |
|---|---|---|
| (x) | **Persoalan perjanjian yang tidak ditepati / dimungkiri**<br>Contoh: Francis Light tidak mematuhi perjanjian yang telah dibuat dengan Sultan Kedah untuk membantu Kedah apabila diserang oleh Bugis / Pihak Inggeris menjanjikan pampasan sebanyak $30 000 dolar Sepanyol kepada Sultan Abdullah tetapi hanya membayar $6,000 sahaja. | [2+2] |
| (xi) | **Persoalan pemalsuan fakta sejarah**<br>Contoh: Orang Melayu ditipu dengan fakta sejarah palsu bahawa Francis Light membuka / meneroka Pulau Pinang. | [2+2] |
| (xii) | **Persoalan kelemahan pemimpin dalam pentadbiran**<br>Contoh: Sultan Abdullah ditipu oleh Francis Light dalam perjanjian Inggeris-Kedah | [2+2] |
| | | **[Maksimum: 8 markah]** |
| **12 (c) Adaptasi - sambung dialog** | | |
| | **(i) Idea / isi**<br>**(ii) Teknik**<br>**(iii) Bahasa**<br>**(iv) Kreativiti** | 2<br>2<br>2<br>2 |
| | | **[Maksimum: 8 markah]** |

**Nota:**

1. **Isi yang ada kesinambungan dengan petikan, berikan 0 markah untuk idea / isi.**

2. **Jika calon menulis kurang daripada enam dialog, maksimum 4 markah.**

3. **Jika jumlah markah isi, teknik dan gaya bahasa ialah 6 markah, kreativiti ialah 2 markah.**

4. **Jika calon menulis lebih daripada lapan dialog, periksa seperti biasa.**



CS CamScanner

| 13 (a) Sudut pandangan | | |
|---|---|---|
| | **Sudut pandangan orang ketiga** | |
| (i) | Dia teringat semula akan hari-hari hanyut di lautan selama enam puluh hari. | 1 |
| (ii) | Bagaimanakah boleh melupakan penyeksaan yang menyedut isi tubuh dan semangatnya? | 1 |
| (iii) | Tubuhnya tinggal kulit dan rangka waktu ditemui. | 1 |
| (iv) | … tiba-tiba dia memasuki dunia warna-warni di Ogonshoto menjadi terkenal, senang dan kaya, dihormati dan dilindungi. | 1 |
| (v) | … dia tidak menyesali betapa pendeknya zaman indah itu, … . | 1 |
| (vi) | Dia hanyut selama enam puluh hari di samudera ganas, hilang hampir semua isi tubuhnya. | 1 |
| (vii) | Dia hanyut selama enam puluh hari di samudera ganas, hilang hampir semua isi tubuhnya. | 1 |
| (viii) | Di Ogonshoto, dia menyertai permainan aneh itu hanya beberapa jam, sekarang telah kehilangan kedua-dua tapak tangan dan lidahnya. | 1 |
| (ix) | Di Ogonshoto, dia menyertai permainan aneh itu hanya beberapa jam, sekarang telah kehilangan kedua-dua tapak tangan dan lidahnya. | 1 |
| | **[Maksimum: 4 markah]** | |
| **(b) Latar Masyarakat** | | |
| (i) | **Masyarakat yang gigih bekerja**<br>Huraian: Empat belas nakhoda bekerja keras menarik aisberg demi kelangsungan hidup rakyat Ogonshoto. / Para pengikut nakhoda gigih menyiapkan bahtera siang dan malam | [1+2] |

[Lihat halaman sebelah

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | **Masyarakat yang bekerjasama / tolong-menolong**<br>Huraian: Penduduk Banaba bekerjasama mencari pemuda Banaba yang hilang di lautan. / Para resi bekerjasama merawat pemuda Banaba yang cedera / Para tetangga menolong guru kidal mengatur kerusi meja ketika jamuan *thanksgiving.* | [1+2] |
| (iii) | **Masyarakat yang cinta akan alam sekitar**<br>Huraian: Penduduk pedalaman Tubua memprotes pembangunan di Tubua kerana beranggapan akan memusnahkan alam sekitar / para pencinta alam mendesak Presiden membatalkan projek padang golf di Kuri kerana akan menyebabkan kemusnahan alam sekitar di Kuri. | [1+2] |
| (iv) | **Masyarakat yang bermurah hati**<br>Huraian: Jeneral dan isterinya bermurah hati menghulurkan bantuan kepada teman-teman sekampung halaman yang baru dikenali di kampung-kampung nelayan / di bandar Ture. | [1+2] |
| (v) | **Masyarakat yang simpati / belas kasihan terhadap nasib orang lain**<br>Huraian: Resi-resi bersimpati terhadap nasib pemuda Banaba yang malang dan membantu merawat pemuda tersebut yang cedera. | [1+2] |
| (vi) | **Masyarakat yang bertanggungjawab**<br>Huraian: Anak-anak kapal Kawai Maru bertanggungjawab membersihkan kapal Kawai Maru semasa berlabuh di perairan Ogonshoto. / Pemimpin-pemimpin negara sering menemui rakyat untuk mengamati / mengetahui masalah yang dihadapi oleh rakyat | [1+2] |
| (vii) | **Masyarakat yang mengamalkan rasuah**<br>Huraian: Jeneral dan Pegawai Kanan Provinsi Ture mengamalkan rasuah dalam perebutan jawatan wakil Ture / Pihak peniaga telah memberi komisen sebanyak 10% kepada isteri Presiden dalam setiap urus niaga pemerintah. / Bekas musuh-musuh politik Presiden melupakan perjuangan asal selepas menerima kurnia tanah daratan. | [1+2] |
| (viii) | **Masyarakat yang kejam**<br>Huraian: Penduduk Ogonshoto, pemuda Banaba dan Presiden menganiayai binatang dalam permainan tradisi memburu binatang peliharaan setiap 1642 hari / gerhana matahari penuh. | [1+2] |

| | | |
|---|---|---|
| (ix) | **Masyarakat yang taat / patuh**<br>Huraian: Askar-askar Presiden memotong lidah dan kedua-dua tangan pemuda Banaba atas arahan Presiden. / Jeneral dan pegawai kanan provinsi datang ke hujung pangkalan Ture untuk bertemu dengan Presiden seperti yang diarahkan. / Seorang tentera dan komandan menolak lelaki aktivis hak asasi / abang tua pencipta kamera ke jurang kawah gunung berapi atas perintah sulit Presiden. | [1+2] |
| (x) | **Masyarakat yang prihatin / mengambil berat**<br>Huraian: Jeneral dan isterinya bertanya khabar penduduk kampung selepas bersarapan. | [1+2] |
| (xi) | **Masyarakat yang bercita-cita tinggi**<br>Huraian: Banyak pemuda-pemudi Kiribati yang terdidik di sekolah Inggeris bercita-cita ingin melanjutkan pelajaran mereka ke Australia atau New Zealand. | [1+2] |
| (xii) | **Masyarakat yang mengamalkan pergaulan bebas**<br>Huraian: Terdapat banyak anak luar nikah di Malagana. | [1+2] |
| (xiii) | **Masyarakat yang melupakan adat**<br>Huraian: Masyarakat Ogonshoto sekarang sudah melupakan adat turun temurun. | [1+2] |
| (xiv) | **Masyarakat yang bersyukur**<br>Huraian: Ibu dan ahli keluarga Banaba pergi ke gereja untuk memanjatkan rasa gembira kepada tuhan kerana pemuda Banaba yang hilang telah ditemui. | [1+2] |
| **(c) Adaptasi - sambung cerita** | | |
| | **(i) Idea / isi**<br>**(ii) Teknik**<br>**(iii) Bahasa**<br>**(iv) Kreativiti** | 3<br>3<br>2<br>2 |
| | | **[Maksimum : 10 markah]** |
| | **Nota**<br>**1. Jika calon menghasilkan karya kurang 100 patah perkataan, berikan maksimum 2 markah untuk isi.**<br>**2. Calon mengemukakan satu teknik plot, berikan maksimum 2 markah untuk teknik.** | |

[Lihat halaman sebelah

| 14 (a) Permintaan Ken Tambohan kepada Pelebaya | | |
|---|---|---|
| (i) | taruhlah mayat beta di dalam rakit | 1 |
| (ii) | taburlah bunga cempaka di atas mayat beta itu. | 1 |
| (iii) | taburlah bunga angsana di atas mayat beta itu. | 1 |
| (iv) | Kemudian hanyutkanlah rakit yang berisi mayat beta itu di dalam sungai. | 1 |
| (v) | Jikalau, selepas itu, paman bertemu dengan kakang Raden Menteri, sampaikan sembah beta kepada baginda. | 1 |
| (vi) | Katakan beta meminta beribu-ribu ampun kepada baginda. | 1 |
| | | **[Maksimum: 4 markah]** |

| 14 (b) Pola Fikir Raden Menteri | | |
|---|---|---|
| (i) | **Tekad dan usaha penentu kejayaan**<br>Contoh: Raden Menteri berusaha bersungguh-sungguh memujuk Ken Tambohan untuk berkahwin dengannya. | [2+2] |
| (ii) | **Darjat / keturunan tidak penting dalam perkahwinan / pemilihan pasangan hidup**<br>Contoh: Raden Menteri tetap mengahwini Ken Tambohan walaupun mengetahui Ken Tambohan ialah puteri tawanan / dinasihati oleh Wira Wani. | [2+2] |
| (iii) | **Perkahwinan memerlukan kesetiaan**<br>Contoh: Raden Menteri tidak bersetuju untuk memenuhi permintaan permaisuri supaya berkahwin dengan puteri Ratu Banjar Kulon. | [2+2] |
| (iv) | **Mentaati ibu bapa adalah kewajipan / kemestian**<br>Contoh: Raden Menteri patuh pada permintaan bondanya untuk memburu kijang dan pelanduk di dalam hutan. | [2+2] |
| (v) | **Hidup dan mati biar bersama pasangan**<br>Contoh: Raden Menteri sanggup membunuh diri / menikam dadanya apabila melihat mayat isterinya. | [2+2] |
| | | **[Maksimum: 8 markah]** |



CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| **14 (c) Citra Masyarakat - Sastera Panji** | | |
| (i) | **Gambaran / Cerminan masyarakat yang saling menyayangi**<br>Contoh: Sang Nata dan Permaisuri amat menyayangi Raden Puspa Kencana kerana kecantikannya. / Sang Nata dan Permaisuri menangisi kematian Raden Menteri / Raden Menteri dan Ken Tambohan menangis kesedihan setelah mengetahui takbir mimpi Raden Menteri yang mereka akan berpisah. / Ken Tadahan dan Ken Penglipur sanggup mati dibunuh bersama-sama Ken Tambohan / Rakyat jelata mengiringi dan menangisi jenazah Raden Menteri dan Ken Tambohan. | [2+2] |
| (ii) | **Gambaran / Cerminan masyarakat yang bersimpati / belas kasihan terhadap orang lain**<br>Contoh: Dewa-dewa di kayangan berdukacita / bersedih atas kematian Ken Tambohan. / melihat Sang Nata yang sedih / berdukacita menangisi kematian Raden Menteri / Puteri-puteri tawanan menangis melihat Ken Tambohan dihina / ditampar oleh Permaisuri. | [2+2] |
| (iii) | **Gambaran / Cerminan masyarakat yang percaya kepada ramalan mimpi**<br>Contoh: Ken Tambohan dan Raden Menteri resah memikirkan takbir / alamat / maksud / tafsir mimpi mereka / Raden Menteri dan Ken Tambohan menangis kesedihan setelah mengetahui takbir mimpi Raden Menteri yang mereka akan berpisah. | [2+2] |
| (iv) | **Gambaran / Cerminan masyarakat yang taat / menurut perintah**<br>Contoh: Raden Menteri dan pelebaya menurut perintah Permaisuri iaitu Raden Menteri pergi berburu kijang dan pelanduk di hutan manakala Pelebaya membunuh Ken Tambohan di hutan. | [2+2] |
| | **[Maksimum: 8 markah]** | |
| **15. (a) Gaya bahasa** | | |
| (i) | **Asonansi**<br>Contoh: pada laung azan semakin retak / pada laung azan semakin retak (pengulangan bunyi vokal a) | [1+1] |
| (ii) | **Aliterasi**<br>Contoh: onak dan lalang dari belukar seberang / onak dan lalang dari belukar seberang (pengulangan bunyi konsonan n) | [1+1] |

[Lihat halaman sebelah



CS CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | **Kata ganda**<br>Contoh: Berkali-kali / cita-cita / leluhur | [1+1] |
| (iv) | **Sinkope**<br>Contoh: yang tak pernah lekang / di langit peradaban yang tak berpagar / tak | [1+1] |
| (v) | **Repitisi kata**<br>Contoh: berkali-kali / yang / tak / dan | [1+1] |
| (vi) | **Repitisi frasa**<br>Contoh: yang tak / yang kian | [1+1] |
| (vii) | **Metafora**<br>Contoh: langit peradaban / sawah tradisi / selut sejarah / tumit usia | [1+1] |
| (viii) | **Simile**<br>Contoh: tetap dia turun meredah bendang<br>sebagai badang nusa | [1+1] |
| (ix) | **Personifikasi**<br>Contoh: adalah sengsara yang membesarkannya **/** Saat petang bersandar di surau usang / kini dipijak oleh segunung<br>kemodenan yang meluluh | [1+1] |
| (x) | **Inversi**<br>Contoh: tetap dia turun meredah bendang / Cita-cita tinggal cuma sepadang lalang | [1+1] |
| (xi) | **Hiperbola**<br>Contoh: Berkali-kali resahnya disengat matahari / dan kemarau yang bersimpul di kepala / Cita-cita tinggal cuma sepadang lalang / dibelit lidah penjajah yang berpetualang / sepetak bendang yang berkurun menyara | [1+1] |
| | **[Maksimum: 4 *markah*]** | |
| **(b)** | **Kritikan sastera - Sanjungan nilai** | |
| (i) | **Kegigihan dalam pekerjaan**<br>Contoh: Cangkul menumpul di tangan<br>dan kemarau yang bersimpul di kepala<br>tetap dia turun meredah bendang | [2+2] |

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | **Kesabaran / ketabahan menghadapi dugaan hidup**<br>Contoh: adalah sengsara yang membesarkannya<br>dengan manis dan manusia. | [2+2] |
| (iii) | **Keinsafan dalam kehidupan**<br>Contoh: Saat petang bersandar di surau usang<br>dia perlahan menghitung sebak | [2+2] |
| | **[Maksimum: 8 markah]** | |
| **(c)** | **Pengkaryaan - Cipta sajak** | |
| | **(i) Tema**<br>**(ii) Bentuk**<br>**(iii) Bahasa**<br>**(iv) Kreativiti** | 2<br>2<br>2<br>2 |
| | **[Maksimum : 8 markah]** | |

**Nota:**

1. **Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon, kurang daripada tujuh baris, berikan 4 markah maksimum.**
2. **Jumlah baris yang dicipta oleh calon, tujuh hingga sebelas baris, berikan 1 markah maksimum untuk bentuk.**
3. **Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti.**
4. **Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon lebih daripada lima belas baris, periksa seperti biasa.**
5. **Sajak yang tidak menepati tema sajak, berikan 0 markah tema.**

| **16 (a) Tema** | | |
|---|---|---|
| | **Tema: Panduan demi kesejahteraan hidup**<br><br>Huraian: Kesejahteraan hidup yang akan diperoleh jika kita menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang negatif. | [2+2] |
| | **[Maksimum : 4 markah]** | |

[Lihat halaman sebelah

| 16 (b) Pengajaran | | |
|---|---|---|
| (i) | **Kita hendaklah rajin / gigih berusaha agar disenangi oleh orang lain**<br>Contoh: Orang rajin banyak saudara. | [2+2] |
| (ii) | **Kita hendaklah menepati janji supaya tidak dipandang hina**<br>Contoh: Barang siapa mungkir janji,<br>Namanya tentu menjadi keji. | [2+2] |
| (iii) | **Kita hendaklah berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu supaya tidak menyusahkan / mendatangkan aib kepada keluarga**<br>Contoh: Kalau diri kena angkara,<br>Turutlah susah sanak saudara. | [2+2] |
| (iv) | **Kita hendaklah menjauhkan diri daripada maksiat**<br>Contoh: Segala maksiat ada di dunia,<br>Ikhtiarkan diri menjauhi dia. | [2+2] |
| (v) | **Kita hendaklah bersikap adil semasa menghukum seseorang yang melakukan kesalahan**<br>Contoh: Hukuman bagi orang berdosa,<br>Dengan tidak memandang bangsa. | [2+2] |
| (vi) | **Kita hendaklah menjaga maruah diri kaum wanita**<br>Contoh: Orang perempuan manusia juga,<br>Kehormatan dirinya wajib dijaga. | [2 +2] |
| (vii) | **Kita janganlah mementingkan wang ringgit dalam persaudaraan**<br>Contoh: Kalau tiada emas di pinggang,<br>Sanak saudara menjadi renggang. | [2 +2] |
| (viii) | **Kita hendaklah menjaga kesihatan diri**<br>Contoh: Ada wang badan tak sihat,<br>Tidak bernikmat apa dibuat. | [2 +2] |
| (ix) | **Kita janganlah bertindak mengikut perasaan kerana boleh menyebabkan kemudaratan**<br>Contoh: Jika diturut kehendak hati,<br>Kelak boleh menjadi mati. | [2 +2] |
| **[Maksimum : 8 markah]** | | |

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm



CamScanner

| **16 (c) Pengkaryaan - Cipta Gurindam** | | |
|---|---|---|
| | **(i) Tema**<br>**(ii) Bentuk**<br>**(iii) Bahasa**<br>**(iv) Kreativiti** | 2<br>2<br>2<br>2 |
| | | **[Maksimum: 8 markah]** |

**Nota**

1. **Jumlah rangkap gurindam yang dicipta oleh calon, kurang daripada empat rangkap, berikan 4 markah maksimum.**

2. **Jika calon tidak menulis tajuk gurindam, tolak 1 markah kreativiti.**

3. **Jumlah rangkap gurindam yang dicipta oleh calon lebih daripada empat rangkap, periksa seperti biasa.**

4. **Gurindam yang tidak menepati tema, berikan 0 markah tema.**

## PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah



CamScanner